

## **Pemahaman dan Penghasilan Ayat Pasif dalam Kalangan Kanak-kanak Melayu**

### ***The Comprehension and Production of Passive Voice among Malay Children***

\*NORSOFIAH ABU BAKAR<sup>1</sup>

JONG HUI YING<sup>1</sup>

MUHAMMAD ZUHAIR ZAINAL<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Malay Linguistics Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

<sup>2</sup>School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

\*Corresponding author: abnorsofiah@usm.my

**Published online:** 25 May 2023

**To cite this article:** Norsofiah Abu Bakar, Jong Hui Ying and Muhammad Zuhair Zainal. 2023. Pemahaman dan penghasilan ayat pasif dalam kalangan kanak-kanak Melayu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 30(1): 97–123. <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.1.6>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.1.6>

**Abstract.** *The study aims to determine on language acquisition, which involve huge data from Malay children in Malaysia, are somewhat limited. This study examines language acquisition patterns from the perspective of passive voice in comprehension and production. This study is a cross-sectional study that examines the ability to use passive voice in Malay among Malay children. The study is aimed to determine the different abilities to comprehend and produce passive voice in terms of age and type of passive voice by the Malay children. The age groups for the subjects are 4;0 years old to 6;11 years old and 7;0 years old to 9;11 years old. The finding shows that there is a significant difference between the achievement of the 4;0 years old to 6;11 years old age group and the 7;0 years old to 9;11 years old group. The data was collected through a picture-sentence-matching test and a sentence extraction test adapted from previous studies. The findings of the study found that the passive voice “di-” from the standard Malay language variation was difficult to master by the group of children aged 4;0 years old to 6;11 years old. The findings also show that the passive voice structure is acquired in the later stage of the Malay children’s language development.*

**Keywords and phrases:** *passive “di-”, passive “kena”, Malay children, variation language, Malay language*

**Abstrak.** Penyelidikan tentang pemerolehan bahasa yang melibatkan data besar dalam kalangan kanak-kanak Melayu di Malaysia agak terbatas. Kajian ini meneliti tentang corak pemerolehan bahasa dari aspek ayat pasif, yakni aspek pemahaman dan penghasilan. Kajian ini berbentuk kajian keratan rentas dengan meneliti keupayaan penggunaan ayat pasif bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak Melayu. Kajian ini bermatlamat untuk menghuraikan pemahaman dan penghasilan ayat pasif dan menentukan sama ada terdapat perbezaan keupayaan ayat pasif disebabkan oleh umur, jenis ayat pasif dan kemahiran pemahaman, dan penghasilan antara dua kumpulan kanak-kanak. Subjek kumpulan terdiri daripada kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun dan kumpulan kanak-kanak berumur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun. Data kajian dikumpulkan melalui ujian padanan-ayat-bergambar dan ujian pencungkilan ayat yang diadaptasi daripada kajian lepas. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun dengan kumpulan kanak-kanak berumur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun. Dapatan kajian mendapati bahawa perbezaan prestasi kedua-dua kumpulan disebabkan oleh variasi bahasa Melayu ayat pasif “di-” yang standard dan belum dikuasai oleh kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ayat pasif merupakan struktur bahasa yang lewat diperolehi dalam perkembangan bahasa kanak-kanak Melayu.

**Kata kunci dan frasa:** ayat pasif “di-”, ayat pasif “kena”, kanak-kanak Melayu, variasi bahasa, bahasa Melayu

## Pengenalan

Kajian pemerolehan bahasa yang melibatkan kanak-kanak Melayu dengan perkembangan bahasa tipikal di Malaysia agak terbatas. Hasil sorotan kajian mendapati hanya terdapat dua kajian tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu yang berbentuk kajian kes, iaitu kajian yang dijalankan oleh Mashudi dan Tan (2002) dan Noor Hasnor (2002). Kedua-dua kajian tersebut bersifat umum dengan meneliti semua aspek linguistik dalam pemerolehan bahasa, iaitu fonologi, morfologi dan sintaksis. Subjek kajian juga terhad dan tidak boleh memberikan generalisasi terhadap keupayaan bahasa kanak-kanak. Keterbatasan kajian pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu menyebabkan data norma bahasa kanak-kanak Melayu yang tipikal tidak dapat didokumentasikan. Dokumentasi ini penting untuk pembinaan korpus bahasa kanak-kanak dan kajian kanak-kanak jangka masa panjang (Hellwig et al. 2021). Ketiadaan maklumat sebenar tentang keupayaan bahasa kanak-kanak dalam bentuk dokumentasi akan memberikan implikasi dalam proses pembangunan negara. Antara implikasi tersebut ialah penyediaan sukatan pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah yang mengetepikan aspek keupayaan berbahasa kanak-kanak pada tahap umur tertentu.

Di samping itu, wujud keterbatasan hujahan dari aspek teori linguistik berdasarkan data psikolinguistik untuk meneliti struktur ayat kecekapan bahasa kanak-kanak (Bowerman 1982). Menurut Rogayah (2014), data tentang perkembangan bahasa kanak-kanak di Malaysia masih terbatas; malah dalam keadaan yang tertentu, boleh dikatakan data bahasa Melayu tidak mempunyai titik capai (*milestone*) bagi setiap perkembangan bahasa dan pertuturan kanak-kanak tipikal dari umur lima tahun sehingga sembilan tahun. Ketiadaan titik capai ini merumitkan ahli linguistik dan ahli terapi pertuturan bahasa untuk menentukan tahap bahasa kanak-kanak yang dikategorikan sebagai tidak normal (Rogayah 2014).

Kajian pemerolehan ayat pasif dalam kalangan kanak-kanak monolingual dengan menggunakan pendekatan keratan rentas di Barat (Armon-Lotem et al. 2016) memberikan input berguna untuk meneliti tahap keupayaan ayat pasif dalam kalangan kanak-kanak Melayu. Kajian keupayaan ayat pasif sangat penting kepada ahli linguistik, ahli terapi pertuturan bahasa, ibu bapa dan guru untuk menentukan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak. Hasil kajian tersebut boleh digunakan sebagai indikator kebolehan bahasa kanak-kanak pada peringkat awal umur (Rogayah 2014; Armon-Lotem et al. 2016). Di samping itu, kajian pemerolehan ayat pasif kanak-kanak dapat memberikan maklumat tentang perkembangan pemerolehan ayat bahasa Melayu.

Persoalan yang timbul adalah “Mengapakah kajian pemerolehan ayat pasif dalam kalangan kanak merentas bahasa meluas terutama di luar negara?”. Ayat pasif merupakan struktur ayat yang aturan binaannya berlainan daripada aturan ayat aktif; subjek ayat pasif merupakan objek dalam ayat aktif dan mengandungi afiks yang unik merentasi bahasa (Siewierska 2011). Dalam bahasa Melayu, ayat pasif merupakan ayat yang mengandungi kata kerja yang mementingkan objek ayat aktif sebagai judul atau unsur yang diterangkan, contohnya “Ali dikejar oleh anjing”, yang menekankan “Ali” berbanding dengan ayat “Anjing mengejar Ali” yang menekankan “anjing” (Nik Safiah et al. 2009). Subjek ayat pasif dikenali sebagai subjek terbitan bukannya subjek logikal. Peranan tematik yang didukung oleh subjek terbitan ialah tema berbanding dengan subjek logikal yang berperanan sebagai agen. Misalnya dalam Contoh 1(a) dan 1(b) berikut:

Contoh 1

- (a) Ali dikejar oleh anjing. (Ayat pasif) (Tema)
- (b) Anjing mengejar Ali. (Ayat aktif) (Agen)

Dalam konteks bahasa Melayu, ayat pasif terdiri daripada ayat pasif (1) Berafiks pasif (“di-”, “ber-”, “ter-”, “diper-” dan “ke-...-an”), (2) Mengandungi kata ganti nama diri pertama dan kedua (seperti dalam Contoh 1 dan 2), dan (3) Mengandungi perkataan “kena” yang hadir sebelum kata kerja.

#### Contoh 2

- (a) Buku itu belum aku baca.
- (b) Perkara ini akan anda selesaikan.

Selain itu, dalam bahasa Melayu, terdapat juga struktur ayat pasif songsang seperti Contoh 3 yang melibatkan kata ganti nama diri pertama “saya”:

#### Contoh 3

Saya tendang bola itu. (Nik Safiah et al. 2009, 492)

Contoh 3 dikatakan berasal daripada susunan biasa ayat pasif, iaitu:

#### Contoh 4

Bola itu saya tendang. (Nik Safiah et al. 2009, 492)

Struktur ayat pasif dalam bahasa Melayu boleh diklasifikasikan sebagai ayat pasif dengan afiks dan ayat pasif bolen (*bare construction*). Ayat pasif bolen ialah ayat yang diungkapkan tanpa kehadiran afiks seperti ayat pasif “kena”. Misalnya:

#### Contoh 5

- (a) Perompak itu kena pukul (oleh penduduk kampung).
- (b) \*Perompak itu kena dipukul (oleh penduduk kampung).

Bagi ayat pasif berafiks, terdapat kepelbagaian makna dalam afiks pasif. Sebagai contoh, afiks “teR-” boleh membawa makna “perbuatan yang tidak sengaja”, dan kata kerja yang ada afiks “teR-” digolongkan sebagai kata kerja pasif, seperti dalam Contoh 6(a) dan 6(b) (Nik Safiah et al. 2009, 173–174).

## Contoh 6

- (a) Kasut saya terpijak oleh Ali. (Perbuatan tidak sengaja)  
(Nik Safiah et al. 2009, 174)
- (b) Buku saya terambil oleh bapa. (Kata kerja pasif)  
(Nik Safiah et al. 2009, 173)

Afiks dalam kata kerja pasif “terpijak” dan “terambil” ini boleh dikatakan sebagai unik. Hal ini demikian kerana afiks pasif mempunyai makna dan fungsi, iaitu makna tak sengaja dan fungsi membentuk kata kerja pasif. Dalam sesetengah bahasa, kata kerja pasif dianggap unik kerana konstruksi morfologi kata pasif hanya boleh dikenal pasti berdasarkan ciri-ciri morfologi yang lain (Armon-Lotem et al. 2016). Misalnya, dalam bahasa Jerman terdiri daripada kata kerja pasif yang merupakan kombinasi kata kerja pasif dengan kata bantu seperti *werden* (*become*; menjadi) (Armon-Lotem et al. 2016). Keunikan ini sejajar dengan keunikan ayat pasif dalam bahasa Melayu yang mempunyai beberapa jenis afiks pasif seperti “di-”, “teR-”, “ke-...-an” dan “ber-” yang memperlihatkan makna dan fungsi. Walaupun demikian, afiks pasif dalam kajian ini tertumpu kepada afiks “di-” sahaja. Hal ini demikian kerana pasif “di-” tidak mengungkapkan sebarang makna lain, kecuali sebagai penanda pasif (Nik Safiah et al. 2009), berbanding dengan afiks “diper-” dan sufiks “ke-...-an” yang mengungkap pelbagai makna. Misalnya, penggabungan afiks “teR-” dengan kata akar boleh membawa makna perbuatan yang tidak sengaja, keupayaan dan tersedia (Nik Safiah et al. 2009). Di samping itu, Juriah (1993) mendapati bahawa terdapat perbezaan penggunaan yang signifikan antara sufiks “-kan” dengan afiks “di-” dalam kalangan kanak-kanak yang berusia lima tahun dan enam tahun. Dapatan Juriah (1993) membuktikan bahawa afiks “di-” rumit untuk dikuasai. Maka, kajian lanjut perlu dijalankan.

Kajian ini juga menumpukan perhatian kepada ayat pasif “kena”. Justifikasi bagi perkara ini disebabkan kedua-dua binaan pasif “di-” dan “kena” ini berkongsi ciri-ciri yang sama, iaitu: (1) Strukturnya menepati binaan “pasif kanonikal” (*canonical passive*), (2) Ayatnya tertumpu kepada tema/penderita ayat, (3) Tiada kekangan terhadap kata ganti nama pertama atau kedua yang menjadi agen/pelaku untuk ayat pasif dan (4) Kehadiran agen/penderita dalam ayat pasif bersifat opsional (Chung 2005). Kedua-dua ayat pasif “kena” dan “di-” ini juga mempunyai binaan yang berbeza mengikut variasi bahasa, iaitu bahasa Melayu kolokial (pasif “kena”) (Nomoto dan Kartini 2012) dan bahasa Melayu standard (pasif “di-”).

Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan keupayaan pemahaman dan penghasilan ayat pasif dalam kalangan kanak-kanak Melayu yang berumur 4;0 tahun sehingga 9;11 tahun dan menentukan sama ada terdapat perbezaan keupayaan

dari aspek umur dan jenis ayat dan kemahiran pemahaman dan penghasilan ayat pasif. Data diperoleh dengan menggunakan inovasi ujian keupayaan sintaksis bahasa Melayu dengan mengambil kira kajian lepas dan mengadaptasikannya dengan budaya pengguna ibunda bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana Malaysia masih kekurangan alat penilaian bahasa dan norma perkembangan bahasa seperti ujian norma fonologi (Lim, Wells dan Howard 2015). Hal ini termasuklah ujian keupayaan sintaksis kanak-kanak. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat norma bahasa kanak-kanak Melayu dan memberikan kefahaman kepada ibu bapa, guru dan masyarakat tentang pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak.

### **Kajian Lepas**

Prestasi ayat pasif dalam kalangan kanak-kanak yang mengalami perkembangan tipikal telah menarik minat ahli linguistik, terutamanya dalam bidang psikolinguistik kerana hal ini melibatkan: (1) Aturan argumen luaran pada akhir ayat, (2) Aturan argumen dalaman pada awal ayat dan (3) Bentuk kata kerja kompleks. Fox dan Grodzinky (1998) melaporkan bahawa kanak-kanak berbahasa Inggeris yang berumur 3;6 tahun sehingga 5;5 tahun mempunyai kebolehan yang agak terhad untuk menggunakan dan memahami struktur ayat pasif yang mengandungi kata kerja keadaan, seperti *The bear is seen*. Hasil kajian Fox dan Grodzinky (1998) sejajar dengan hasil kajian Armon-Lotem et al. (2016) tentang penguasaan ayat pasif terhadap 274 orang kanak-kanak prasekolah monolingual (umur 5;0 tahun sehingga 5;11 tahun). Kajian tersebut melibatkan kanak-kanak yang bertutur bahasa Catalan, Cypriot, Denmark, Belanda, Inggeris, Estonia, Finland, Jerman, Ibrani, Lithuania atau Poland. Mereka mendapati bahawa kanak-kanak berbahasa Inggeris, Catalan, Yunani Cyprus dan Lithuania tidak menguasai struktur ayat pasif. Buktinya, tiada perbezaan yang signifikan antara penguasaan pemahaman ayat pasif penuh dengan ayat pasif pendek. Dapatan mereka tersebut membuktikan bahawa ayat pasif merupakan struktur ayat yang kompleks untuk dikuasai oleh kanak-kanak.

Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa ayat pasif merupakan struktur ayat yang lewat diperoleh. Bukti daripada kajian terdahulu menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kelewatan ayat pasif. Israel, Johnson dan Brooks (2001) mendapati bahawa kanak-kanak berbahasa Inggeris (umur 1;8 tahun sehingga 5;0 tahun) menggunakan ayat pasif dengan menghasilkan partisipel pasif secara sewenang-wenangnya. Hal ini bermaksud partisipel pasif digunakan dalam konteks yang pelbagai makna tanpa kanak-kanak itu mengetahui dengan betul penggunaan partisipel tersebut. Kajian berkenaan menunjukkan bahawa kehadiran partisipel pasif menyebabkan kanak-kanak lewat memperoleh ayat

pasif. Kelebihan kajian Israel, Johnson dan Brooks (2001) ini ialah kajian mereka memperlihatkan bahawa bentuk morfologi seperti partisipel telah mempengaruhi kanak-kanak untuk memperoleh dan menggunakan ayat pasif dengan cepat dan tepat.

Selain itu, kajian Rubin (2009), Hirsch dan Wexler (2005) dan Huang et al. (2013) menunjukkan bahawa penderivasian ayat pasif telah mempengaruhi kelewatan kanak-kanak untuk memperoleh ayat pasif. Contohnya, kajian ayat pasif yang dijalankan oleh Rubin (2009) terhadap kanak-kanak yang bertutur bahasa Portugis menunjukkan sebanyak 72% kanak-kanak tidak memahami ayat pasif kompleks. Rubin (2009) menyatakan bahawa ayat pasif mengungkapkan frasa nama yang peranan tetanya berubah daripada aturan Subjek-Kata kerja-Objek kepada aturan Objek-Kata kerja-Subjek sehingga mereka menginterpretasikan ayat pasif sebagai ayat aktif. Sementara itu, bagi Huang et al. (2013), kanak-kanak berbahasa Mandarin lewat memperoleh ayat pasif disebabkan oleh kerumitan mereka untuk menginterpretasikan fitur penanda pasif bahasa Mandarin, iaitu BEI dan BA. Bukti-bukti pemerolehan ayat pasif menunjukkan bahawa ayat pasif merupakan struktur ayat yang lewat diperolehi. Keupayaan pemerolehan ayat pasif tersebut disokong dengan memperlihatkan penjanaan ayat pasif yang kompleks.

Namun demikian, hal ini berbeza dalam konteks pemerolehan ayat pasif dalam kalangan kanak-kanak yang bertutur bahasa Afrika (Alcock, Rimba dan Newton 2011; Kline dan Demuth 2010). Hal ini kerana kanak-kanak berbahasa Sesotho (bahasa rasmi Afrika Selatan) memperoleh ayat pasif seawal umur 2;1 tahun (Kline dan Demuth 2010) disebabkan oleh faktor kehadiran penanda pasif yang bersifat wajib dan faktor kewujudan fitur pembeza antara binaan ayat aktif dan ayat pasif. Kajian jangka panjang Demuth (1989) terhadap kanak-kanak berbahasa Sesetho berumur 2;1 tahun sehingga 4;1 tahun menunjukkan kekerapan penggunaan ayat pasif yang tinggi dalam perbualan kanak-kanak dengan ibu bapa menyebabkan mereka memperoleh ayat pasif dengan cepat. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa corak pemerolehan ayat pasif adalah berbeza bergantung kepada penggunaan ayat tersebut. Di samping itu, kajian-kajian tentang bahasa Afrika bukan sahaja meneliti corak pemerolehan bahasa dari aspek sintaksis, tetapi turut meneliti konteks pengguna dan penggunaan. Oleh itu, aspek konteks pengguna dan penggunaan perlu diteliti kerana wujud kemungkinan bahawa kedua-dua aspek ini dapat mempengaruhi corak keupayaan kanak-kanak memperoleh ayat pasif.

Dalam konteks bahasa Melayu, kajian terhadap ayat pasif dalam kalangan kanak-kanak Melayu tipikal adalah terbatas. Namun begitu, terdapat kajian pemerolehan bahasa Melayu yang menggunakan teknik elisitasi seperti yang dijalankan oleh Zur Hanis, Rogayah dan Badruzaman (2021) dan Norhaida (2007). Kajian Zur

Hanis, Rogayah dan Badruzaman (2021) menunjukkan bahawa kanak-kanak Melayu yang bertutur dalam dwibahasa telah melakukan kesalahan dalam penghasilan ayat pasif. Mereka menggantikan ayat pasif “di-” kepada ayat pasif “kena”, dan kata preposisi “oleh” kepada kata preposisi “dengan”. Misalnya, “Kucing Ali dilanggar oleh kereta semalam” (ayat sasaran) kepada “Kucing Ali kena langgar dengan kereta semalam” (respons kanak-kanak). Kajian Norhaida (2007) tentang pemerolehan ayat tanya “*wh-*” dalam kalangan kanak-kanak Melayu pula mendapati bahawa terdapat pelbagai strategi yang digunakan oleh kanak-kanak dalam menghasilkan ayat tanya, misalnya strategi pengguguran kata relatif “yang”.

Kajian Zur Hanis, Rogayah dan Badruzaman (2021) dan Norhaida (2007) membuktikan bahawa melalui teknik elisitasi, strategi penghasilan ayat oleh kanak-kanak dapat diperlihatkan. Kedua-dua kajian tersebut turut menunjukkan corak dan prestasi keupayaan kanak-kanak Melayu yang datang daripada latar belakang berbeza. Di samping itu, dapatan kajian Norhaida (2007) menunjukkan bahawa kanak-kanak cenderung menggunakan struktur ayat daripada variasi bahasa Melayu kolokial. Hal ini dibuktikan dengan kanak-kanak menggugurkan kata “yang” untuk bersifat opsyenal dan menghasilkan ayat bahasa Melayu kolokial. Isu variasi bahasa kolokial dan bahasa standard perlu diambil kira dalam meneliti keupayaan bahasa kanak-kanak.

Setelah meneliti pandangan sarjana tentang ayat pasif dalam kalangan kanak-kanak merentas bahasa, isu utama kesukaran kanak-kanak memperoleh ayat pasif disebabkan oleh struktur ayat tersebut yang aturannya seakan-akan “Objek-Kata Kerja-Subjek”. Aturan ayat pasif ini menunjukkan bahawa peranan tematik frasa nama berbeza dengan peranan tematik dalam ayat aktif. Peranan semantik ini menyebabkan kanak-kanak sukar untuk memahami dan menghasilkan ayat pasif yang lengkap. Israel, Johnson dan Brooks (2001) pula berpandangan bahawa partisipel pasif yang menyukarkan kanak-kanak untuk menguasai ayat pasif. Hal ini memperlihatkan bahawa struktur binaan ayat pasif yang unik.

Berdasarkan hasil kajian lepas, penelitian terhadap ayat pasif dalam kalangan kanak-kanak merentas bahasa perlu mengambil kira aspek variasi bahasa seperti yang dijalankan oleh Norhaida (2007) dan Zur Hanis, Rogayah dan Badruzaman (2021), namun kajian-kajian tersebut sedikit berlainan kerana mereka meneliti pengaruh variasi bahasa dalam struktur ayat yang lain. Aspek variasi bahasa perlu diberikan perhatian kerana kanak-kanak Melayu di Malaysia merupakan kanak-kanak dwibahasa. Oleh itu, penelitian terhadap ayat pasif dalam kalangan kanak-kanak merentas bahasa dengan mengambil kira aspek variasi bahasa perlu

dilakukan kerana struktur ayat pasif ini merupakan struktur ayat yang sukar dikuasai oleh kanak-kakak dan menjadi penanda linguistik bagi kanak-kanak yang mempunyai kelengahan bahasa.

## **Metodologi**

### **Peserta**

Kajian ini berbentuk kajian keratan rentas yang bertujuan untuk meneliti keupayaan pemahaman dan penghasilan ayat pasif dalam kalangan 30 orang kanak-kanak Melayu yang berumur 4;0 tahun sehingga 9;11 tahun (selepas ini akan disebut sebagai subjek kanak-kanak). Kelulusan etika penyelidikan diperoleh sebelum pengumpulan data dijalankan. Borang keizinan daripada ibu bapa dan borang kebenaran menjalankan kajian di sekolah juga diperoleh dan telah diedarkan sebelum kajian dijalankan.

Subjek kanak-kanak ini dipilih secara rawak berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dan terdiri daripada dua kumpulan mengikut umur (rujuk Jadual 1):

1. Keturunan ibu bapa subjek kanak-kanak ialah Melayu Malaysia.
2. Bahasa ibunda dan bahasa dominan komunikasi harian untuk subjek kanak-kanak ialah bahasa Melayu.
3. Subjek kanak-kanak dilaporkan oleh ibu bapa dan/atau guru sebagai murid atau kanak-kanak yang tidak mempunyai masalah emosi atau tingkah laku yang boleh mengganggu pembelajaran dan pengajaran bahasa.
4. Subjek kanak-kanak terdiri daripada kumpulan sosioekonomi yang sama, iaitu kumpulan pertengahan.
5. Subjek kanak-kanak menerima pendidikan formal di sekolah dan tadika.
6. Subjek kanak-kanak telah didedahkan dengan bahasa Inggeris sekurang-kurangnya setahun, dan hal ini bermakna mereka menerima pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

**Jadual 1.** Bilangan subjek kanak-kanak mengikut kumpulan umur

Kumpulan umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah
4;0 tahun sehingga 6;11 tahun	8	7	15
7;0 tahun sehingga 9;11 tahun	8	7	15
Jumlah	16	14	30

## Instrumen

Dua ujian berkaitan dengan pemahaman dan penghasilan ayat pasif telah dibina berdasarkan cadangan-cadangan daripada kajian Novogrodsky dan Friedmann (2006) dan van der Lely (1996). Cadangan kajian ini disesuaikan dan diadaptasi dengan sintaksis bahasa Melayu dan budaya masyarakat Melayu. Misalnya, gambar kanak-kanak perempuan dalam ujian ini memakai tudung dan berbaju kurung. Selain itu, dapatan kajian daripada sumber tempatan seperti kajian Juriah (1993) turut digunakan dalam pembinaan item kedua-dua aktiviti ayat pasif. Ujian yang dibina ialah (1) Ujian padanan-ayat-bergambar dan (2) Pencungkilan ayat (lihat Lampiran A dan Lampiran B).

Jumlah keseluruhan item yang diuji ialah 40 item dengan skor maksimum 100. Bagi ujian padanan-ayat-bergambar, terdapat sebanyak 20 item ayat, iaitu 10 item ayat pasif “kena” dan 10 ayat pasif “di-”. Kata kerja dalam ayat pasif pula mestilah mempunyai ciri-ciri seperti: (1) Kata kerja tersebut boleh diperihalkan dalam gambar dan (2) Kata kerja boleh memperlihatkan keterbalikan peranan teta yang dipetakan oleh frasa nama. Sebanyak lima kata kerja, iaitu “langgar”, “tandang”, “kejar”, “angkat” dan “tolak”, dipilih dan diuji untuk dituturkan dalam ayat pasif. Kelima-lima kata kerja tersebut berada dalam dua keadaan iaitu (1) Digabungkan dengan awalan “di-” dan (2) Dalam bentuk kata akar apabila diungkapkan dalam ayat pasif “kena”.

Setiap set gambar bagi padanan-ayat-bergambar mengandungi empat bentuk gambar yang berlainan. Gambar dalam set ini merupakan gambar berwarna. Setiap kata kerja dalam gambar tersebut memperihalkan empat perbuatan yang berpadanan dengan respons berikut: (1) transitif, (2) keterbalikan peranan teta, (3) keadaan dan (4) pengganggu. Misalnya, empat gambar dibentuk untuk kata kerja “tandang” bagi mencerminkan ayat yang berikut:

1. Abang tendang kakak.
2. Kakak tendang abang.
3. Kakak sedang menendang.
4. Lelaki (tanpa memakai topi) menendang.

Gambar-gambar yang diperlihatkan kepada kanak-kanak secara jelasnya berpadanan dengan ayat pasif, manakala keterbalikan peranan teta bergantung pada ayat yang dibacakan bersama-sama dengan gambar.

Penghasilan ayat pasif diuji dalam ujian pencungkilan ayat merangkumi 20 ayat pasif (10 ayat pasif “di-”; 10 ayat pasif “kena”). Dalam ujian pencungkilan ayat, sebanyak 20 gambar berpasangan dipersembahkan untuk mencungkil ayat pasif “di-” dan ayat pasif “kena”. Struktur ayat pasif yang diuji terdiri daripada variasi bahasa Melayu standard (Contoh: Abang ditendang oleh kakak) dan variasi bahasa Melayu kolokial (Contoh: Abang kena tendang). Semua ayat pasif ini mengandungi frasa nama bernyawa.

### **Tatacara ujian**

Keseluruhan ujian ini dirakamkan dengan menggunakan kamera video Sony HDR-SR12w. Sebelum ujian ini dijalankan, kanak-kanak diberikan satu aktiviti bebas, sama ada bermain Lego atau bercerita. Tujuan aktiviti ini adalah untuk menjalinkan hubungan serasi dan mesra antara penguji dengan subjek kanak-kanak.

Bagi setiap ujian, arahan dibacakan dan selepas itu, sesi latihan diadakan. Sesi latihan dijalankan dengan memberikan beberapa bentuk ayat dan gambar latihan kepada subjek. Hal ini dilakukan supaya subjek kanak-kanak dapat memahami dengan jelas setiap arahan yang perlu mereka lakukan. Dalam sesi latihan, sebarang kesalahan respons yang diberikan oleh subjek kanak-kanak diperbetul oleh penguji. Arahan yang diberikan oleh penguji ialah “Hari ini, saya hendak ajak adik bermain tunjuk-tunjuk gambar. Adik pernah main permainan ini? Adik dengar betul-betul ayat yang saya bacakan. Kemudian, adik tunjukkan gambar yang sepadan dengan ayat yang saya bacakan”. Bagi ujian pencungkilan ayat pula, arahan penguji ialah “Dalam permainan ini, saya akan ceritakan tentang gambar, kemudian adik ceritakan kepada saya gambar lain dengan cara yang sama”. Dalam aktiviti sebenar, tiada sebarang pembayang atau pembetulan diberikan kepada subjek kanak-kanak. Penguji akan memberikan pujian dan kata rangsangan, seperti “bagus”, “pandai” dan sebagainya.

Ujian dimulai dengan ujian padanan-ayat-bergambar. Dalam ujian ini, stimulus yang digunakan ialah set gambar, rakaman audio dan video serta ayat sasaran. Subjek kanak-kanak mendengar rakaman dan melakukan padanan-ayat-bergambar. Subjek kanak-kanak mendengar rakaman ayat dengan menggunakan fon kepala dan menunjukkan gambar yang berpadanan dengan ayat yang didengari dengan menggunakan jari telunjuk. Bagi ujian pencungkilan ayat, stimulus yang digunakan merangkumi set gambar dan rakaman audio dan video. Subjek kanak-kanak dikehendaki memperihalkan gambar kepada penguji. Untuk memastikan ujian yang dijalankan adalah konsisten, kedua-dua aktiviti ini dijalankan pada hari yang sama dan had masa ditetapkan. Selain itu, subjek kanak-kanak juga dibenarkan untuk berehat sebentar, terutamanya jika subjek kajian ialah kanak-kanak yang lebih muda dalam kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun.

### **Transkripsi dan penskoran**

Semua respons subjek kanak-kanak ditranskripsikan ke dalam bentuk grafemik untuk borang skor. Penskoran dalam kedua-dua aktiviti ini diubah suai daripada kajian van der Lely (1996). Setiap respons subjek kanak-kanak dicatatkan sebagai respons betul atau salah. Kajian ini menggunakan skala skor 1 dan 0. Skor 1 untuk respons yang betul, dan skor 0 untuk respons yang salah. Dalam ujian padanan-ayat-bergambar, skor 1 diberikan jika respons kanak-kanak berpadanan dengan gambar sasaran, dan skor 0 diberikan jika respons subjek kanak-kanak tidak berpadanan dengan gambar sasaran. Bagi ujian pencungkilan ayat, skor 1 diberikan jika respons kanak-kanak sama dengan ayat sasaran. Skor 1 juga turut diberikan jika kanak-kanak melakukan perkara berikut:

1. Penggantian kata ganti nama diri seperti “ibu → kakak”,
2. Pemendekan seperti “tidak → tak”,
3. Pengguguran suku kata terbuka seperti “itu → tu”, dan
4. Pengguguran konsonan pada awal kata seperti “dia → ia”.

Respons sebegini tidak menjejaskan kesemantikan ayat pasif yang diuji. Skor 0 diberikan jika berlaku penukaran struktur asal kepada struktur lain, pengguguran unsur dan penambahan unsur yang menjejaskan makna dan sebarang perubahan urutan kata.

## **Kebolehpercayaan**

Data daripada tiga orang kanak-kanak (6%) daripada setiap kumpulan diambil untuk mengukur kebolehpercayaan transkripsi dan skor respons dalam ayat pasif. Data ditranskripsi dan diberikan oleh penguji kedua. Penguji kedua ialah ahli terapi pertuturan bahasa yang merupakan penutur natif bahasa Melayu dan mempunyai pengalaman bekerja selama 17 tahun. Darjah kebolehpercayaan transkripsi bagi penghasilan ayat pasif diukur berdasarkan peratus persetujuan perkataan demi perkataan. Perbincangan antara penguji dijalankan jika terdapat perbezaan transkripsi atau skor bagi mencapai persetujuan bersama. Hasil pengkodan, didapati kebolehpercayaan transkripsi adalah tinggi, iaitu 88% (penghasilan). Kebolehpercayaan penskoran diukur berdasarkan peratus persetujuan mengekod skor melibatkan aktiviti pemahaman 96% dan penghasilan 97% ayat pasif.

## **Analisis data**

Data dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan program Statistical Package for Social Science (SPSS) 22. Terdapat dua jenis analisis dijalankan, iaitu deskriptif dan ujian *t*-berpasangan. Ujian *t*-berpasangan digunakan untuk menguji hipotesis setelah data kajian ini bertaburan normal. Hipotesis kajian ini adalah terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan kanak-kanak berumur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun dengan kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun dalam ujian padanan bergambar, dan terdapat perbezaan yang signifikan antara kanak-kanak dalam kumpulan umur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun dengan kumpulan umur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun dalam ujian pencungkulan ayat.

Analisis kualitatif dijalankan terhadap corak kesalahan respons subjek kanak-kanak dalam ujian pencungkulan data. Penelitian corak kesalahan bertujuan untuk menghuraikan strategi yang digunakan oleh subjek kanak-kanak semasa menghasilkan ayat pasif. Corak kesalahan ini diklasifikasikan kepada dua aspek, iaitu kesalahan struktur dan kesalahan kosa kata.

## **Dapatan Kajian**

Sejajar dengan objektif kajian ini untuk menganalisis perkembangan pemerolehan ayat pasif dalam kalangan kanak-kanak Melayu yang mengalami perkembangan tipikal, maka dapatan kajian ini menunjukkan bahawa prestasi kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun berada pada tahap bawah kebarangkalian, iaitu jawapan betul kurang daripada 13 ( $p > 0.05$ ) Hasil ujian-*t* menunjukkan terdapat perbezaan yang sangat signifikan antara kedua-dua kumpulan ( $p < 0.001$ ). Keputusan dipaparkan pada bahagian berikutnya.

### Apakah kanak-kanak menguasai kedua-dua struktur ayat pasif?

Secara keseluruhannya, kumpulan kanak-kanak berumur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun menunjukkan prestasi yang baik dalam ayat pasif. Jadual 2 menunjukkan pencapaian kumpulan kanak-kanak dalam ayat pasif keseluruhannya.

**Jadual 2.** Pencapaian ayat pasif (min peratus betul dan sisihan piawai) bagi kedua-dua kumpulan umur

	Kumpulan umur	
	4;0 tahun sehingga 6;11 tahun ( $n = 15$ )	7;0 tahun sehingga 9;11 tahun ( $n = 15$ )
Pasif “di-” (pemahaman) ( $n = 10$ )	61.3 (26.7)	99.3 (2.58)
Pasif “di-” (penghasilan) ( $n = 10$ )	45.3 (41.0)	92.0 (14.20)
Pasif “kena” (pemahaman) ( $n = 10$ )	88.7 (14.1)	100.0 (0.00)
Pasif “kena” (penghasilan) ( $n = 10$ )	76.7 (27.7)	93.3 (12.30)

*Nota:*  $n = 15$  orang kanak-kanak bagi setiap kumpulan;  $n =$  bilangan item.

Jadual 2 menunjukkan skor min kumpulan umur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun secara signifikannya lebih tinggi berbanding dengan kumpulan umur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun dalam pemahaman ayat pasif “di-” ( $t = 5.49, p < 0.001$ ) dan penghasilan ayat pasif “di-” ( $t = 4.16, p < 0.000$ ).

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min kumpulan umur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun secara signifikannya lebih tinggi berbanding dengan kumpulan umur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun dalam pemahaman pasif “kena” ( $t = 3.12, p = 0.004$ ) dan penghasilan pasif “kena” ( $t = 2.13, p = 0.04$ ). Keputusan juga menunjukkan bahawa skor min kedua kumpulan umur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun dalam ayat pasif lebih tinggi berbanding dengan skor min dalam ayat pasif “di-”.

### Apakah penghasilan ayat pasif lebih sukar berbanding dengan pemahaman ayat pasif?

Jadual 3 memaparkan pencapaian pemahaman dan penghasilan ayat pasif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara signifikannya skor min kumpulan umur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun lebih tinggi berbanding dengan kumpulan umur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun dalam pemahaman  $t = 5.21, p < 0.001$  dan penghasilan  $t = 3.80, p < 0.000$ . Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa skor pemahaman kedua-dua kumpulan umur adalah lebih tinggi berbanding dengan skor penghasilan.

**Jadual 3.** Pencapaian keseluruhan ayat pasif (min peratus betul dan sisihan piawai) bagi kedua-dua kumpulan

	Kumpulan umur	
	4;0 tahun sehingga 6;11 tahun ( <i>n</i> = 15)	7;0 tahun sehingga 9;11 tahun ( <i>n</i> = 15)
Pemahaman ( <i>n</i> = 20)	74.3 (18.8)	99.7 (1.29)
Penghasilan ( <i>n</i> = 20)	61.7 (30.2)	92.7 (1.29)

*Nota:* *n* = 15 orang kanak-kanak bagi setiap kumpulan; *n* = bilangan item.

### Corak kesalahan

Berdasarkan ujian penghasilan ayat pasif, kesalahan menghasilkan ayat pasif dianalisis dan dibincangkan secara kualitatif. Corak kesalahan adalah berdasarkan kesalahan struktur yang dilakukan oleh subjek kanak-kanak. Kesalahan dikira berdasarkan bilangan subjek kanak-kanak melakukan kesalahan dan bukannya berdasarkan kekerapan kesalahan.

**Jadual 4.** Kesalahan struktur ayat pasif “di-”

Jenis kesalahan	Kumpulan umur	
	7;0 tahun sehingga 9;11 tahun ( <i>n</i> = 15)	4;0 tahun sehingga 6;11 tahun ( <i>n</i> = 15)
Penggantian ayat pasif “di-” → ayat aktif	1	7
Kelainan bentuk pasif	1	4
Pengguguran kata kerja	1	7
Ayat tidak gramatis	–	2
Penggantian ayat pasif “di-” → ayat pasif “kena”	1	4
Pengguguran “di-”	–	4

*Nota:* *n* = 15 orang kanak-kanak bagi setiap kumpulan.

Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun banyak melakukan kesalahan dengan menggunakan strategi penggantian ayat pasif kepada ayat aktif. Seterusnya, kesalahan struktur dalam ayat pasif “kena” dapat dilihat dalam Jadual 5.

**Jadual 5.** Kesalahan struktur ayat pasif “kena”

Jenis kesalahan	Kumpulan umur	
	7;0 tahun sehingga 9;11 tahun ( <i>n</i> = 15)	4;0 tahun sehingga 6;11 tahun ( <i>n</i> = 15)
Penggantian ayat pasif “kena” → pasif “di-”	2	3
Penggantian ayat pasif → ayat aktif	–	4
Pengguguran kata kerja	–	2
Tidak gramatis	–	–

*Nota:* *n* = 15 orang kanak-kanak bagi setiap kumpulan.

Jadual 5 menunjukkan bahawa kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun banyak melakukan kesalahan dalam penghasilan ayat pasif “kena”. Jadual 5 juga menunjukkan bahawa kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun menggunakan strategi penggantian untuk mengelakkan diri mereka daripada menghasilkan ayat pasif.

## Perbincangan

Kajian ini bermatlamat untuk memberikan huraian tentang keupayaan kanak-kanak Melayu dalam memahami dan menghasilkan ayat pasif. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kumpulan kanak-kanak berumur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun menguasai sepenuhnya struktur ayat pasif “di-” dan “kena” dalam kemahiran pemahaman dan penghasilan. Pencapaian kedua-dua kumpulan umur mempunyai perbezaan yang signifikan. Perbezaan ini memberikan implikasi bahawa pada fasa umur prasekolah 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun, kanak-kanak Melayu yang bahasa ibunda atau bahasa pertamanya ialah bahasa Melayu lewat memperoleh ayat pasif. Hipotesis Teori Kematangan dalam pemerolehan bahasa (Borer dan Wexler 1987) menyatakan bahawa dalam fasa kanak-kanak memperoleh bahasa, terdapat struktur ayat yang akan lewat diperoleh. Hal ini dikatakan demikian kerana kanak-kanak bukan sahaja memerlukan penguasaan dalam perkembangan kognitif dengan penambahan pengetahuan rumus-rumus sintaksis, malah mereka memerlukan penguasaan untuk mencapai ketepatan dalam rumus-rumus penjaan ayat (Borer dan Wexler 1987). Dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian Hirsch dan Wexler (2005) yang mendapati bahawa kanak-kanak berbahasa Inggeris lewat memperoleh ayat pasif. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh penjaan ayat pasif melibatkan pergerakan argumen (A-) yang berada pada tahap pemrosesan penguasaan dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak.

Dalam pencapaian kanak-kanak Melayu untuk memahami dan menghasilkan ayat pasif “di-”, kanak-kanak dalam kumpulan umur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun didapati sukar untuk memahami dan menghasilkan ayat pasif “di-” sama seperti kumpulan umur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun. Hasil kajian ini menyokong dapatan kajian pemerolehan afiks oleh Juriah (1993). Walaupun kajian Juriah (1993) tertumpu kepada afiks, namun dapatan kajiannya juga memperlihatkan bahawa kanak-kanak prasekolah (umur 5 tahun sehingga 6 tahun) tidak menggunakan bentuk kata kerja [“di-” + akar]. Penemuan kajian Juriah (1993) dibuktikan dengan jumlah kekerapan penggunaan afiks “di-” yang sangat rendah ( $M = 1.75$ ), berbanding dengan awalan lain seperti “beR-” dan “meN-”. Penggunaan afiks “di-” yang rendah dalam kajian Juriah (1993) telah membuktikan bahawa penguasaan kanak-kanak terhadap ayat pasif dipengaruhi oleh afiks yang mengungkapkan makna ayat tersebut. Di samping itu, kesukaran kanak-kanak menguasai ayat pasif afiks “di-” berkemungkinan disebabkan oleh prefiks “di-” tidak mengungkapkan sebarang makna, selain berfungsi sebagai penanda pasif (Nik Safiah Karim et al. 2009). Berbanding dengan afiks lain, kajian Juriah (1993) mendapati bahawa afiks yang mengungkapkan makna seperti “meN-”, “teR-” dan “-kan” lebih mudah dihasilkan oleh kanak-kanak. Dapatan ini membuktikan bahawa faktor makna juga boleh mempengaruhi corak pemerolehan bahasa kanak-kanak. Contoh 7 menunjukkan kedua-dua kumpulan umur berupaya untuk memahami dan menghasilkan ayat pasif “kena”:

#### Contoh 7

Lori kena langgar.

Berdasarkan Contoh 7, “kena” mempunyai makna iaitu ditimpa sesuatu (*Kamus Dewan* 2007). Selain itu, kajian ini mendapati skor min kanak-kanak dalam kumpulan umur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun bagi ayat pasif “kena” (pemahaman dan penghasilan) lebih tinggi berbanding dengan skor min ayat pasif “di-”. Dapatan ini menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan umur berupaya untuk memahami dan menghasilkan struktur ayat pasif “kena” serta kanak-kanak mempunyai keupayaan terhadap pemahaman dan penghasilan ayat pasif walaupun pemahaman dan penghasilan ayat pasif merupakan dua proses pemerolehan bahasa yang berbeza bagi kanak-kanak. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan hanya berfokus pada prestasi kanak-kanak menggunakan ayat pasif, iaitu pada aspek keupayaan memahami dan menghasilkan ayat pasif, dan bukannya berfokus pada aspek proses memahami dan menghasilkan ayat pasif. Berdasarkan petunjuk prestasi tersebut, kajian ini cuba menjelaskan faktor kesukaran dan kebolehan kanak-kanak Melayu dalam penggunaan struktur ayat tertentu.

Kajian ini berpandangan bahawa pemerolehan ayat pasif telah mewujudkan situasi diglosia. Hal ini disebabkan oleh variasi bahasa yang berbeza telah mempengaruhi keupayaan sintaksis kanak-kanak. Dalam membincangkan situasi diglosia ini, Chung (2005) mendapati bahawa ayat pasif “kena” merupakan struktur daripada variasi bahasa Melayu kolokial berbanding ayat pasif “di-” yang banyak digunakan dalam teks-teks rasmi yang lazimnya menggunakan bahasa Melayu standard. Walaupun Chung (2005) membuktikan bahawa kedua-dua variasi ini wujud dalam dapatan data korpusnya, namun dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa variasi bahasa Melayu kolokial lebih mudah diperoleh dan dihasilkan oleh kanak-kanak. Oleh itu, kita boleh mengandaikan bahawa variasi bahasa mempengaruhi keupayaan kanak-kanak memperoleh struktur sintaksis dalam sesuatu bahasa. Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa terdapat struktur sintaksis tertentu, seperti “di-” yang berkemungkinan diperoleh melalui pembelajaran secara formal di sekolah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa berdasarkan skor min, kumpulan kanak-kanak berumur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun menguasai kemahiran pemahaman dan penghasilan ayat pasif. Walau bagaimanapun, bagi kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun, skor min pemahaman mereka lebih tinggi berbanding dengan penghasilan. Dapatan ini menyokong huraian yang dibuat oleh ahli psikolinguistik (Bates 1993; Clarke 1993; Dekeyser dan Sokalski 1996) yang menyatakan bahawa kanak-kanak memperoleh kebolehan pemahaman terlebih dahulu sebelum memperoleh kebolehan penghasilan. Hal ini dikatakan demikian kerana proses pemahaman merupakan proses awal yang diperoleh oleh kanak-kanak (umur antara 8 bulan sehingga 10 bulan) melalui cara mendengar, menentukan rujukan item leksikal dan menggunakan pengetahuan yang tersebut untuk menentukan struktur semantik (Bates 1993) berbanding dengan penghasilan yang melibatkan perkembangan kognitif dan kemahiran oro-motor (Hendriks dan Koster 2010).

Bagi corak kesalahan struktur pasif “di-”, kesalahan menggantikan struktur ayat pasif “di-” kepada ayat aktif merupakan kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun. Bagi kanak-kanak dalam kumpulan umur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun, hanya seorang yang melakukan kesalahan kategori ini. Contoh kesalahan respons boleh dilihat dalam Contoh 8:

## Contoh 8

Ayat sasaran: Ini gambar kucing dijilat oleh anjing.

Respons subjek: Ini gambar anjing jilat kucing.

Ujaran struktur ayat yang dihasilkan tidak akur kepada urutan bukan kanonikal, tetapi makna yang dihasilkan untuk situasi “anjing menjilat kucing” adalah betul. Jenis kesalahan yang dihasilkan ini menunjukkan bahawa subjek kanak-kanak cenderung dan selesa menghasilkan ayat aktif, dan hal ini bersesuaian dengan andaian Hipotesis Urutan Kanonikal yang menyatakan bahawa kanak-kanak cenderung mengujarkan urutan ayat yang lazim didengari oleh mereka, dan konteks bahasa Melayu, urutan ayat lazimnya ialah Subjek-Kata kerja-Objek.

Kesalahan struktur kedua tertinggi ialah kelainan ayat pasif. Kelainan ini bermaksud ayat pasif yang dihasilkan ialah subjek kanak-kanak menggugurkan kata preposisi “oleh”. Contoh respons subjek kanak-kanak menggugurkan kata preposisi “oleh” boleh dilihat dalam Contoh 9:

## Contoh 9

Ayat sasaran: Ini gambar kambing ditolak oleh monyet.

Respons subjek: Ini gambar kambing ditolak \_\_\_\_\_ monyet.

Daripada Contoh 9, ujaran yang dihasilkan oleh subjek kanak-kanak menepati konteks penggunaan bahasa Melayu kolokial, tetapi ujaran tersebut menyalahi peraturan tataahasa bahasa Melayu standard preskriptif. Sungguhpun pada asasnya kehadiran “oleh” bersifat opsyenal, namun dalam ketetapan kesalahan, subjek kanak-kanak gagal menghasilkan ayat yang menepati ayat sasaran. Berdasarkan pencapaian ini, diandaikan bahawa terdapat dua kemungkinan tentang pengguguran “oleh”. Kemungkinan pertama ialah variasi struktur bahasa Melayu standard. Hal ini sejajar dengan Chung (2005) yang menunjukkan bahawa struktur pasif “di-” bahasa Melayu merupakan struktur bahasa standard. Kemungkinan kedua pula berhubungan dengan kelas kata “oleh” yang merupakan kategori fungsional. Menurut Clashen et al. (1997), kanak-kanak mempunyai kecenderungan untuk menggugurkan kosa kata daripada kategori fungsional.

Kesalahan ketiga yang tertinggi ialah kesalahan menggugurkan kata kerja. Daripada Contoh 10, kesalahan ini paling banyak dilakukan oleh kanak-kanak dalam kumpulan umur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun (46.7%). Kesalahan ini ditunjukkan dalam contoh tersebut:

#### Contoh 10

Ayat sasaran: Ini gambar gajah dikejar oleh adik.

Respons subjek: Ini gambar gajah \_\_\_\_\_ oleh adik.

Menurut Bloom (1990), pengguguran kata kerja merupakan strategi kognitif yang digunakan oleh kanak-kanak untuk mengurangkan ujaran ayat yang rumit. Kenyataan Bloom (1990) sejajar dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa subjek kanak-kanak menggugurkan kata kerja pasif. Hal ini dikatakan demikian kerana struktur ayat pasif lebih rumit berbanding dengan struktur ayat aktif yang mengikut urutan Subjek-Kata kerja-Objek.

Kesalahan menghasilkan ayat tidak gramatis juga berlaku dalam kalangan kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun. Contoh 11 memaparkan respons ayat yang tidak gramatis dalam ayat ini, subjek kata kerja pasif yang berperanan teta sebagai tema atau penderita, iaitu “unta”, digugurkan dan hal ini melanggar Prinsip Unjuran Lanjutan untuk sesuatu klausa yang menetapkan bahawa setiap klausa perlu ada subjek. Dalam hal ini, klausanya ialah “unta ditendang lembu”. Selain itu, kata kerja “tendang” diselitkan dalam frasa preposisi dengan meletakkannya selepas kata preposisi “oleh” dan sebelum frasa nama objek preposisi “lembu”, dan hal ini mengakibatkan bentuk ini melanggar rumus binaan frasa preposisi bahasa Melayu, iaitu frasa nama mesti mengikut kata preposisi.

#### Contoh 11

Ayat sasaran: Ini gambar unta ditendang oleh lembu.

Respons subjek: Ini gambar oleh tendang lembu.

Bagi kesalahan struktur pasif “kena”, kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun paling banyak melakukan kesalahan penggantian ayat pasif kepada ayat aktif manakala subjek kanak-kanak dalam kumpulan umur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun hanya melakukan kesalahan menggantikan ayat

pasif “kena” kepada ayat pasif “di-”. Perbezaan corak kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak dalam kumpulan umur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun dan 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun membuktikan bahawa kebolehan menguasai struktur ayat pasif kedua-dua kumpulan adalah berbeza. Contoh 12 memaparkan contoh kesalahan menggantikan ayat pasif “kena” dengan ayat pasif “di-”.

#### Contoh 12

Ayat sasaran: Ini gambar arnab kena geletek.

Respons subjek: Ini gambar arnab digeletek oleh tikus.

Ujaran ayat pasif “di-” berkemungkinan boleh dihasilkan kerana ujian penghasilan pasif “kena” dijalankan selepas ujian penghasilan pasif “di-”. Ayat pasif “di-” mungkin mempengaruhi respons subjek kanak-kanak ketika menghasilkan ayat pasif “kena”. Contoh seterusnya merupakan kesalahan menggantikan ayat pasif dengan ayat aktif seperti berikut:

#### Contoh 13

Ayat sasaran: Ini gambar singa kena kejar.

Respons subjek: Ini gambar singa kejar orang utan.

Berdasarkan Contoh 13, respons subjek kumpulan kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun menggantikan ayat pasif “kena” dengan ayat aktif berkemungkinan selari dengan andaian dalam Hipotesis Kematangan. Hipotesis tersebut mengandaikan bahawa pada tahap umur tertentu, kanak-kanak memperoleh struktur ayat tertentu, dan ayat aktif lazimnya diperoleh pada tahap umur yang lebih muda. Maka berdasarkan hipotesis ini, ayat aktif “Singa mengejar orang utan” (dalam data “Singa kejar orang utan”) lebih mudah dihasilkan berbanding dengan ayat pasif “Singa kena kejar” oleh kanak-kanak yang lebih muda usianya. Tambahan pula, dalam konteks gambar yang diperlihatkan kepada subjek, terdapat dua binatang yang terlibat dalam situasi perbuatan “kejar”, iaitu singa dan orang utan. Maka, tidak menghairankan jika subjek kanak-kanak juga menamakan agen atau pelaku kepada perbuatan yang diperlihatkan oleh akar kata kerja, iaitu “kejar”.

Seterusnya, kesalahan pengguguran kata kerja seperti dalam Contoh 14. Berdasarkan contoh tersebut, subjek kanak-kanak berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun hanya menamakan sahaja watak yang terkandung dalam simulasi ini.

#### Contoh 14

Ayat sasaran: Ini gambar adik kena tolak.

Respons subjek: Ini gambar ini gambar adik.

#### **Kesimpulan**

Kajian ini meneliti keupayaan kanak-kanak Melayu berumur 4;0 tahun sehingga 9;11 tahun dalam pemahaman dan penghasilan ayat pasif bahasa Melayu dengan menggunakan inovasi ujian ayat pasif. Kumpulan kanak-kanak berumur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun menunjukkan prestasi yang baik dalam pemahaman dan penghasilan ayat pasif berbanding dengan kumpulan kanak-kanak prasekolah berumur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun. Perbezaan prestasi kedua-dua kumpulan ini menunjukkan bahawa ayat pasif merupakan ayat yang lewat diperoleh. Kelewatan pemerolehan ayat pasif ini bergantung pada struktur dan variasi ayat pasif itu sendiri. Ayat pasif yang diujarkan dalam variasi kolokial seperti ayat pasif 'kena' mudah difahami dan dapat dihasilkan oleh kanak-kanak berbanding dengan struktur ayat pasif 'di-' yang merupakan variasi bahasa standard. Hal ini bermakna kanak-kanak yang lebih muda dalam lingkungan umur 4;0 tahun sehingga 6;11 tahun lebih menguasai variasi bahasa kolokial berbanding dengan variasi bahasa Melayu standard.

Corak kesalahan penghasilan ayat pasif oleh kumpulan kanak-kanak menunjukkan bahawa mereka cenderung menggunakan strategi penggantian dan pengguguran untuk menghasilkan ayat yang sukar. Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan mereka terhadap kata dalam ayat adalah terbatas. Hanya kelompok kumpulan kanak-kanak berumur 7;0 tahun sehingga 9;11 tahun yang menghasilkan ayat pasif daripada bahasa Melayu standard. Pencapaian kanak-kanak daripada dua kelompok kumpulan umur yang berbeza ini membuktikan bahawa kanak-kanak akan melalui tempoh tertentu untuk menguasai sesuatu struktur ayat. Kanak-kanak tidak menguasai semua jenis ayat bahasa Melayu dalam satu tempoh sekali gus. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pembinaan sukatan pelajaran di sekolah mesti mengambil kira tahap kebolehan bahasa kanak-kanak supaya pencapaian sebenar kanak-kanak dapat diukur. Di samping itu, dapatan kajian ini memperlihatkan sifat sejagat ayat pasif secara amnya dan bahasa Melayu khususnya.

## Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Universiti Sains Malaysia melalui geran jangka pendek bernombor 304/PHUMANITI/6315272.

## Rujukan

- Alcock, K., Rimba, K. and Newton, C.R.J.C. 2011. Early production of the passive in two Eastern Bantu languages. Paper presented at the Generative Approaches to Language Acquisition-North America, Hawaii.
- Armon-Lotem, S. Haman, E., Jensen de López, K. Smoczynska, M., Yatsushiro, K., Szczerbinski, M., van Hout, A., Dabasinskiene, I., Gavarro, A., Hobbs, E., Kamadulytė-Merfeldienė, L., Katsos, N., Kunnari, S. Nitsiou-Michaelidou, C., Olsen, L.M., Parramon, X., Sauerland, U., Leesik, R.T. and van der Lely, H. 2016. A large-scale cross-linguistic investigation of the acquisition of passive. *Language Acquisition* 23(1): 27–56. <https://doi.org/10.1080/10489223.2015.1047095>.
- Bates, E. 1993. Comprehension and production in early language development. *Monographs of the Society for Research in Child Development* 58(233): 222–242.
- Bloom, P. 1990. Subjectless sentences in child language. *Linguistics Inquiry* 21(4): 491–504.
- Borer, H. and Wexler, K. 1987. The maturation of syntax. In *Parameter setting and language acquisition*, eds. T. Roeper and E. William, 123–172. Dordrecht: Reidel.
- Bowerman, M. 1982. Evaluating competing linguistic model with language acquisition data: Implications of developmental errors with causative verb. *Quaderni Di Semantica* 3(1): 5–66.
- Chung, S.-F. 2005. Kena as a third type of Malay passive. *Oceanic Linguistics* 44: 194–214.
- Clarke, E. 1993. *The lexicon in acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Clashen, H., Bartke, S. and Göllner, S. 1997. Formal features in impaired grammars: A comparison english and german DLD children. *Journal of Neurolinguistics* 10: 151–171.
- Dekeyser, R.M. and Sokalski, K.J. 1996. The differential role of comprehension and production practice. *Language Learning* 46(4): 613–642.
- Demuth, K. 1989. Maturation and the acquisition of the Sesotho passive. *Language* 65(1): 353–383.
- Fox, D. and Grodzinsky, Y. 1998. Children's passive: A view from by- phrase. *Linguistic Inquiry* 29(2): 311–332.
- Hellwig, B., Defina, R., Kidd, E., Allen, S.E.M., Davidson, L. and Kelly, B.F. 2021. Child language documentation: The sketch acquisition project. In *Doing corpus-based typology with spoken language corpora*, eds. G. Haig, S. Schnell and F. Seifart, 29–58. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Hendriks, P. and Koster, C. 2010. Production/comprehension asymmetries in language acquisition. *Lingua* 120(8): 1887–1897. <https://doi.org/10.1016/j.lingua.2010.02.002>

- Hirsch, C. and Wexler, K. 2005. Children's passives and their resulting interpretations. In *The proceedings of inaugural conference on generative approaches to language acquisition-North America*, eds. K. Deen, J. Nomura, B. Schulz and B. Schwartz, 125–136. Storrs, CT: University of Connecticut.
- Huang, Y.T., Zheng, X., Meng, X. and Snedeker, J. 2013. Children's assignment of grammatical roles in the online processing of Mandarin passive sentence. *Journal of Memory and Language* 69(4): 589–606. <https://doi.org/10.1016/j.jml.2013.08.002>
- Israel, M., Johnson, C. and Brooks, P.J. 2001. From states to events: The acquisition of English passive participles. *Cognitive Linguistics* 11(1–2): 103–130. <https://doi.org/10.1515/cogl.2001.005>
- Juriah Long. 1993. *Pemerolehan afiks pada peringkat prasekolah dan implikasinya terhadap pendidikan bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2007. 4th Ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kline, M. and Demuth, K. 2010. Factors facilitating implicit learning: The case of the Sesotho passive. *Language Acquisition* 17(4): 220–234. <https://doi.org/10.1080/10489223.2010.509268>
- Lim, H.W., Wells, B. and Howard, S. 2015. Rate of multilingual phonological acquisition: Evidence from a cross-sectional study of English-Mandarin-Malay. *Clinical Linguistics and Phonetics* (Early Online). <https://doi.org/10.3109/02699206.2015.1048379>
- Mashudi Kader and Tan, H.T. 2002. Pemerolehan morfologi dan sintaksis kanak-kanak Melayu. *Jurnal Bahasa* 2(3): 352–373.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa and Abdul Hamid Mahmood. 2009. *Tatabahasa Dewan*. 3rd Ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nomoto, H. and Kartini Abd Wahab. 2012. Kena adversative passive in Malay, funny control and covert voice alternation. *Oceanic Linguistics* 51(2): 360–386.
- Noor Hasnor Mohamad Nor. 2002. Pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu: Satu kajian kes. *Jurnal Bahasa* 2(4): 465–489.
- Norhaida Aman. 2007. *The acquisition of Malay Wh-questions*. Munich, German: LINCOM Academic Publisher
- Novogrodsky, R. and Friedmann, N. 2006. The production of relative clauses in syntactic SLI: A window to the nature of the impairment. *International Journal of Speech-Language Pathology* 8: 364–375. <https://doi.org/10.1080/14417040600919496>
- Rogayah A. Razak. 2014. Linguistik klinikal. In *Pengenalan linguistik: Teoretis dan aplikasi*, ed. Mohammad Fadzeli Jaafar, 181–206. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rubin, M.C.B.P. 2009. The passive in 3- and 4-year-olds. *Journal of Psycholinguistic Research* 38(5): 435–446. <https://doi.org/10.1007/s10936-008-9095-x>
- Siewierska, A. 2011. Passive construction. In *World Atlas of Language Structures Online*, eds. M. Dryer and M. Haspelmath. Munich: Max Planck Digital Brary. Retrieved from <http://wals.info/chapter/107> (accessed 23 February 2016).

- van der Lely, H.K.J. 1996. Specifically language impaired and normally developing children: Verbal passive vs adjectival passive sentence interpretation. *Lingua* 98(4): 243–272.
- Zur Hanis Hamim, Rogayah Abdul Razak and Badruzaman Abdul Hamid. 2021. The morphosyntactic abilities of bilingual Malay preschool children based on the Malay and English sentence repetition tasks. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities* 29(1): 71–90. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.1.04>

## Lampiran

Contoh ujian padanan-ayat-bergambar (pemahaman ayat pasif)

<b>BAHAGIAN A: AYAT PASIF</b>				
Bahan: Buku Pemahaman Ayat Pasif				
Arahan:				
Pastikan kanak-kanak memerhatikan setiap gambar di muka surat itu. Kemudian bacakan ayat itu.				
Ingatkan subjek supaya mendengar ayat tersebut sehingga habis. Bulatkan nombor gambar yang dipilih oleh kanak-kanak di borang jawapan.				
<i>Adik dengar betul-betul ayat yang saya akan bacakan. Kemudian adik tunjukkan gambar yang sepadan dengan ayat yang saya bacakan.</i>				
Item	Ayat Eksperimental	Respons	Skor	Komen
1	<i>Tunjukkan saya gambar...</i> Motosikal dilanggar oleh lori.	1 / 2 / 3 / 4		
2	Kucing kena kejar.	1 / 2 / 3 / 4		
3	Abang kena tendang.	1 / 2 / 3 / 4		
4	Gajah diangkat oleh adik.	1 / 2 / 3 / 4		
5	Motosikal kena langgar.	1 / 2 / 3 / 4		
6	Abang kena kejar.	1 / 2 / 3 / 4		
7	Abang ditendang oleh kakak.	1 / 2 / 3 / 4		
8	Lembu kena tolak.	1 / 2 / 3 / 4		
9	Abang dikejar oleh kucing.	1 / 2 / 3 / 4		

## Contoh ujian pencungkilan ayat (penghasilan ayat pasif)

<b>BAHAGIAN B: AYAT PASIF (pasif di-)</b>				
Bahan: Buku Penghasilan Bergambar				
<p>Arahan:</p> <p>Dalam aktiviti ini, penguji dan kanak-kanak akan bergilir untuk menceritakan tentang gambar yang diberikan. Bagi gambar pertama, penguji akan menceritakan tentang gambar dengan menggunakan struktur ayat pasif. Kanak-kanak pula akan diminta untuk menceritakan tentang gambar yang kedua seperti cara penguji bercerita (iaitu menggunakan ayat pasif).</p> <p>Penguji akan berkata:</p> <p><i>Dalam permainan ini, saya akan ceritakan tentang gambar ini, kemudian saya hendak adik ceritakan tentang gambar lain dengan cara yang sama.</i></p>				
Item	Ayat eksperimental	Sasaran dan respons	Skor	Komen
1	Gambar 1: Ini gambar, abang dikejar oleh kucing. Gambar 2: Ini gambar... (tunjuk kucing)	...kucing dikejar oleh abang.		
2	Gambar 1: Ini gambar, arnab digigit oleh kucing. Gambar 2: Ini gambar... (tunjuk kucing)	...kucing digigit oleh arnab.		
3	Gambar 1: Ini gambar, adik dikejar oleh gajah. Gambar 2: Ini gambar... (tunjuk gajah)	...gajah dikejar oleh adik.		